

47

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inti pati dan resolusi terkini yang diambil dalam memantau pengurusan sekolah agama rakyat, maahad tahfiz dan pondok agama di seluruh negara menerusi mesyuarat peringkat tinggi (HLC) mengenai Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz terutama susulan kes kebakaran pusat tahfiz baru-baru ini.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat *High Level Committee (HLC)* mengenai Pasukan Petugas Sekolah-Sekolah Tahfiz yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada

19 September 2017 di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 7 orang menteri iaitu;

- 1. Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- 2. Menteri Pendidikan
- 3. Menteri Wilayah Persekutuan
- 4. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- 5. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- 6. Menteri Kemajuan *Luar Bandar* dan Wilayah
- 7. Menteri Pendidikan Tinggi

Keputusan berikut telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut:

- i. supaya Keputusan Mesyuarat HLC dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan seterusnya dibentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri;
- ii. supaya Akta Pendidikan 1996 diteliti semula untuk tujuan pindaan bagi membolehkan semua sekolah tahfiz di seluruh negara didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan dengan tidak menjejaskan bidangkuasa pihak negeri;
- iii. supaya dijalankan audit keselamatan fizikal dan pemantauan ke atas sekolah-sekolah tahfiz persendirian;
- iv. supaya Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, pihak berkuasa Bomba dan Penyelamat Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan *Malaysian Association of Facility Management* mengadakan kempen kesedaran keselamatan fizikal supaya

49

piawaian keselamatan dan kesihatan setiap premis serta penghuni tahfiz dipatuhi;

- v. supaya isu keselamatan di sekolah-sekolah tahfiz tidak dihadkan kepada isu keselamatan fizikal sahaja bahkan perlu merangkumi isu-isu berkaitan kurikulum dan guru bagi mengelakan penyebaran ideologi negatif, isu masa depan pelajar lepasan sekolah tahfiz, peralatan uzur dan perundangan di antara kuasa Persekutuan dan negeri;
- vi. supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Tinggi bersama-sama membantu dari segi menaik taraf fasiliti sekolah-sekolah tahfiz persendirian di seluruh negara: dan
- vii. supaya Pasukan Petugas Sekolah-sekolah Tahfiz diwujudkan secara kekal dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dilantik selaku sekretariat Pasukan Petugas tersebut.

Sekian, terima kasih.